

Sindiket pelancongan skim piramid licik perdaya mangsa

➔ Tawar pakej pada harga rendah ke destinasi terkemuka

Oleh **Ilah Hafiz Aziz**
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Sindiket pelancongan berasaskan skim piramid dikatakan sering menukar strategi bagi memperdaya orang ramai dengan terbaharu, merekrut kumpulan pertama yang dibawa melancong untuk menarik lebih ramai pelanggan.

Sumber mendedahkan, modus operandi syarikat terbabit yang menggunakan taktik pemasaran bertingkat (MLM) bermula selepas mereka berjaya mengumpukan kumpulan pertama untuk menyebarkan 'khabar indah' kepada kumpulan kedua, ketiga dan seterusnya yang biasanya menerusi media sosial.

Destinasi yang ditawarkan pula adalah lokasi yang menjadi idaman kebanyakan rakyat Malaysia iaitu negara Eropah seperti Turki dan Teluk Balkan, negara Asia Barat seperti Mesir serta Makkah dan Madinah untuk pakej umrah.

Beliau berkata, pengguna sering tertipu kerana biasanya perjalanan kumpulan pertama tidak akan menghadapi masalah bagi mem-



Mangsa biasanya akan mencari sesiapa untuk menyertai pelancong itu dan biasanya digalakkan mencari ahli keluarga, malah ditawarkan insentif atau komisyen tertentu”

Tan Kok Liang,
Presiden MATTA Fair

beri persepsi baik untuk mempengaruhi lebih ramai mangsa.

Pakej ditawarkan lebih murah

“Mereka yang berminat menyertai percutian murah itu akan diminta mencari beberapa lapisan *down-line* sebagai mangsa.

“Penipuan itu bukan sahaja dilakukan individu, malah turut membabitkan syarikat pelancongan berdaftar dengan Kementen-

STATISTIK KES BERKAITAN UMRAH DI TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA (TTPM)

Tahun	Kes	Jumlah tuntutan (RM)	Jumlah dibayar (RM)
2012	381	2,713,109.00	1,633,846.00
2013	737	4,141,218.00	1,143,618.00
2014	605	3,983,488.00	1,550,716.00
2015	1,461	8,944,452.00	3,890,467.00
2016	298	1,503,446.30	762,829.73
2017	288	1,924,657.47	1,251,928.35
2018	113	904,381.92	1,251,928.35
Jumlah	3,883	24,114,752.69	10,371,183.25



Data sehingga November 2018

rian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)," katanya kepada BH.

Presiden Pameran Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan (MATTA Fair), Datuk Tan Kok Liang, ketika ditemui mengesahkan ada pihak tertentu menjalankan sindiket pelancongan mem-babitkan skim piramid itu.

Katanya, penipuan itu menjadi trend baharu dalam industri pelancongan negara dan sudah mengakibatkan ribuan menjadi mangsa akibat terpengaruh dengan pakej pelancongan luar negara yang berharga rendah.

"Masalah timbul dalam pakej pelancongan piramid ini mem-babitkan kumpulan kedua seperti berlaku kelewatan tarikh pener-bangan, ketiadaan pemandu pelancong, hotel dan restoran ber-beza dan sebagainya. Ia akhirnya mengakibatkan penipuan yang lebih teruk pada kumpulan yang seterusnya," katanya.


Beliau berkata, ada pakej penuh atau *all in* berharga RM3,000 ke Istanbul, Turki bagi 10 hari per-cutian sememangnya tidak munasabah berbanding harga biasa bernilai kira-kira RM5,000.

Kok Liang berkata, kes penipuan mem-babitkan pelancongan dikese-an semakin serius dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini dan berpotensi untuk lebih membim-bangkan.

"Mangsa biasanya akan mencari sesiapa untuk menyertai pelan-cong itu dan biasanya digalakkan mencari ahli keluarga, malah di-tawarkan insentif atau komisyen tertentu.

"Namun, saya difahamkan, tidak

JUMLAH PERBELANJAAN TAHUNAN RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA



RM94 BILION

Purata setahun rakyat Malaysia berbelanja melancong dalam dan luar negara

11.9 JUTA

Purata setahun rakyat Malaysia melancong ke luar negara

14.9 JUTA

Jangkaan pelancong rakyat Malaysia ke luar negara pada 2021

Data DEEN GRAFIN BH

ramai yang tampil membuat laporan kepada pihak berkuasa sehingga menyebabkan tindakan undang-undang terhadap sindiket ini sukar dilaksanakan," katanya yang mengakui menanti statistik rasmi berhubung jenayah berkenaan.

Tiada data rasmi

Setakat ini, tiada statistik rasmi daripada pihak berkuasa yang menunjukkan kerugian dialami mangsa berikutan menggunakan

khidmat sindiket pelancongan skim piramid.

Bagaimanapun, penipuan mem-babitkan umrah yang direkodkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna (TTP) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Peng-guna (KPDNHEP) pada 2012 se-hingga November 2018 lalu me-nunjukkan, jumlah kerugian atau tuntutan yang dilakukan mangsa mencecah hampir RM25 juta mem-babitkan kira-kira 3,800 kes.